



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

27 JANUARI 2021 (RABU)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

27 JANUARI 2021 (RABU)



Alexander Nanta Linggi

Harga bawang stabil semula, bekalan mencukupi

Putrajaya: Bekalan dan harga bawang di pasaran sudah kembali stabil, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan yang dijalankan, pihaknya mendapati bekalan bawang mencukupi di pasaran sehingga Ogos ini bagi menampung permintaan pengguna sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sambutan Tahun Baharu Cina bulan depan.

“Pembekal bawang dari India mula mengeksport bekalan ke luar negara, khususnya ke negara ini selepas pulih daripada masalah banjir yang melanda India, baru-baru ini,” katanya melalui kenyataan, semalam.

Alexander berkata, Malaysia mengimport 489,297 tan bekalan bawang dari luar negara antara Januari sehingga Disember 2020.

Beliau memaklumkan, bekalan bawang di Malaysia diimport dari 24 negara dengan lima daripadanya adalah pengeksport terbesar, iaitu India (31 peratus), Pakistan (24 peratus), China (22 peratus), Belanda (10 peratus), Thailand (6 peratus), New Zealand (3 peratus) dan lain-lain (4 peratus).

Daripada jumlah itu, katanya, India pengeksport bawang terbesar iaitu sebanyak 152,519 kerana permintaan tinggi daripada rakyat Malaysia kepada lapang jenis bawang dari negara itu.

“Kita juga mengimport bawang merah, bawang kecil merah dari China; bawang kecil merah rose, bawang kecil merah dari Myanmar serta bawang kecil merah dari Thailand dan bawang besar kuning dari Holland,” katanya.

Putrajaya: Pengguna boleh menarik nafas lega apabila bekalan dan harga bawang dilaporkan kembali stabil di pasaran.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata hasil lawatan dan pemeriksaan dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pihaknya mendapati bekalan bawang mencukupi di pasaran sehingga Ogos ini.

Katanya, lawatan itu juga bertujuan memastikan bekalan bawang mencukupi bagi menampung permintaan pengguna sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sambutan Tahun Baharu Cina bulan depan.

"Pembekal bawang dari India mula mengeksport bekalan ke luar negara, khususnya ke negara ini selepas pulih daripada masalah banjir yang melanda negara itu baru-baru ini," katanya semalam.

Kelmarin Alexander mengadakan lawatan kerja dan pemeriksaan perniagaan bawang ke sebuah premis perniagaan yang berperanan sebagai pengimport dan pemborong di Klang, Selangor, bertujuan mem-

Bekalan, harga bawang dilapor kembali pulih

beri fokus keberadaan bekalan dan harga bawang.

Turuh hadir dalam lawatan, Timbalan Ketua Setiausaha KPDNHEP, Dr Alauddin Sidal dan Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam.

Alexander berkata, negara mengimport sebanyak 489,297 tan metrik bekalan bawang dari luar negara antara Januari sehingga Disember 2020.

Katanya, sebelum ini negara terkesan dengan kedatangan bawang dari negara pengimport kerana terdapat arahan larangan eksport ke atas semua jenis bawang.

"Langkah ini adalah bertujuan bagi menampung ke-

perluan domestik dalam negara ekoran bencana banjir berlaku sejak Julai 2020.

"Bekalan bawang di Malaysia diimport dari 24 negara dengan lima daripadanya pengeksport terbesar iaitu India (31 peratus), Pakistan (24 peratus), China (22 peratus), Belanda (10 peratus), Thailand (enam peratus), New Zealand (tiga peratus) dan lain-lain (empat peratus)," katanya.

Alexander turut memaklumkan, daripada jumlah itu India merekodkan jumlah pengeksport bawang terbesar iaitu sebanyak 152,519 tan metrik.



Pembekal bawang dari India mula mengeksport bekalan ke luar negara, khususnya di sini selepas pulih daripada banjir"

Alexander



Harga bawang kembali stabil

Bekalan cukup untuk pengguna sehingga bulan Ogos 2021

SHAH ALAM

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memaklumkan bekalan dan harga bawang di pasaran kembali stabil dan cukup untuk pengguna sehingga bulan Ogos 2021.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, meskipun kadar penggunaan bawang mungkin berkurang berikutan sambutan musim perayaan Tahun Baharu Cina yang dijangka disambut secara sederhana dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), namun perkara tersebut tidak boleh dipandang ringan.

Menurutnya, pihak KPDNHEP telah

menjalankan satu lawatan pemeriksaan perniagaan bawang bagi memastikan keberadaan bekalan dan harga bawang di salah sebuah premis perniagaan yang berperanan sebagai pengimport dan pemborong di Klang, Selangor.

"Hasil daripada lawatan tersebut, pihak kami dimaklumkan bekalan bawang kini berada dalam keadaan yang stabil dan cukup untuk keperluan pengguna di Malaysia, dijangka sehingga bulan Ogos 2021.

"Ini kerana negara pengimport utama bagi bekalan bawang iaitu India telah pulih daripada masalah banjir dan telah mula mengeksport bekalan bawang ke luar untuk memenuhi permintaan khususnya di Malaysia,"

katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Beliau berkata, bekalan bawang di Malaysia diimport dari 24 buah negara di mana lima negara merupakan pengeksport terbesar iaitu India (31 peratus), Pakistan (24 peratus), China (22 peratus), Belanda (10 peratus), Thailand (enam peratus), New Zealand (tiga peratus) dan lain-lain (empat peratus).



ALEXANDER

PdPR: Ada ambil **kesempatan**

KPDNHEP keluar 10 notis kepada peniaga peralatan elektronik naikan harga sesuka hati

Oleh Norzamira Che Noh
 am@hmetro.com.my

Shah Alam

Kepertuan mendesak ibu bapa bagi memenuhi Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) di rumah diambil kesempatan oleh peniaga untuk menaikkan harga barangan elektronik dan komputer.

Ini terbukti apabila 10 notis dikeluarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor kepada peniaga peralatan elektronik kerana disyaki menaikkan harga barangan sesuka hati.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, notis berkenaan dikeluarkan pada hari pertama Op Catut 8.0 dikuatkuasakan semalam.

Katanya, tindakan itu diambil hasil pemeriksaan bermula 11 pagi di kios pasar raya di seluruh negeri



ANGGOTA penguat kuasa KPDNHEP melakukan pemeriksaan harga barangan elektronik menerusi Op Catut 8.0 di sekitar Shah Alam, semalam.

ini yang menjual peralatan elektronik seperti set komputer, komputer riba, mesin pencetak dan telefon bimbit.

"Kami mendapati bekalan peralatan elektronik berkenaan merekodkan jualan tinggi terutama mesin pen-

cetak dan komputer riba.

"Kebanyakan peniaga yang ditemui memaklumkan mereka terpaksa menunggu agak lama bagi mendapatkan pesanan daripada pembekal selain berlaku sedikit kenaikan harga berikutan kos barangan su-

dah meningkat.

"Sebanyak 10 notis dikeluarkan terhadap peniaga bagi membekalkan perincian harga jualan dan harga kos barangan bagi tujuan siasatan lanjut samada berlaku pengambilan keuntungan berlebihan atau tidak,"




KOMPUTER riba dan mesin pencetak mencatat jualan tinggi.

katanya semalam.

Beliau berkata, peniaga berkenaan diberi tempoh masa dua hari untuk membekalkan maklumat yang diarahkan pihaknya.

Katanya, Op Catut 8.0 yang dilaksanakan sehing-

ga 8 Februari bertujuan membendung salah laku atau manipulasi harga oleh peniaga susulan pembelajaran secara atas talian bagi murid dan pelajar untuk sesi persekolahan yang bermula 20 Januari lalu.



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam RM5.90	• Telur Gred A RM9.99	• Gula Pasir RM2.95	• Cili Merah RM6.90
• Daging Lembu Tempatan RM34	• Ikan Kembung RM8.99	• Bawang Besar Holland RM3.20	• Kubis Bulat Tempatan RM3.80
• Daging Lembu Import RM21	• Minyak Masak RM5.25	• Bawang Putih RM2.99	• Tepung Gandum RM2.15

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

27 JANUARI 2021 (RABU)

Royalti mula diagih Jumaat ini

Penyanyi,
pemuzik dapat
RM11.7 juta
menjelang
April depan

Oleh Farihad Shalla Mahmud
farihad@bh.com.my

Penantian penggiat seni muzik yang terkesan dengan pembayaran konsortium *Music Rights Malaysia (MRM)* sejak dua tahun lalu, berakhir, apabila mereka bakal menerima bayaran pendahuluan royalti tertunggak sebanyak RM500 setiap orang, mulai Jumaat ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid memberitahu, agihan pertama bakal dimanfaatkan lebih 1,500 penyanyi dan pemuzik rakaman yang juga ahli Recording Perfor-

mers Malaysia Berhad (RPM) dan Performers Rights and Interest Society of Malaysia Berhad (PRISM) yang layak.

"Seperti yang dijanjikan dan dipersetujui sebelum ini, kita akan membayar sebanyak RM500 setiap orang melalui *Unlogged Performance Allocation (UPA)*."

"Agihan ini bermula Jumaat ini dan membabitkan dana royalti tertunggak sebanyak RM11,738,347.18.

"Seramai 1,134 ahli RPM dan 396 ahli PRISM akan menerima bayaran pendahuluan ini.

"Baki agihan akan diagihkan berdasarkan laporan penggunaan lagu yang diperoleh daripada stesen televisyen (TV) dan radio tempatan," katanya pada sidang media virtual dari pejabatnya di Putrajaya, semalam.

Rosol berkata, pembayaran royalti itu diharap dapat meringankan beban artis dan pemuzik yang terkesan dengan pandemik COVID-19.

Tambahnya, proses pembayaran untuk ahli PRISM akan diurus tadbir oleh Jabatan Insol-



Rosol menjelaskan bayaran royalti dibuat mengikut persatuan tetapi berdasarkan produk atau bentuk persembahan yang dihasilkan dalam tempoh tertentu. (Foto ihsan KPDNHEP)

Seperti yang dijanjikan dan dipersetujui sebelum ini, kita akan membayar sebanyak RM500 setiap orang melalui Unlogged Performance Allocation (UPA).

Datuk Rosol Wahid, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

vensi Malaysia (MDI) dan perkara berbangkit boleh dikemukakan kepada pihak terbabit.

"Bayaran untuk ahli PRISM akan dikendalikan MDI selaku pelikuidasi selepas PRISM gulung tikar pada November 2018.

"Jika ada masalah berkaitan pengagihan ini, bolehlah berhubung dengan jabatan berkenaan untuk tindakan lanjut," katanya.

Mengulas agihan dibuat kepada penggiat seni yang mempunyai keahlian bertindih, Rosol berkata, bayaran dibuat bukan mengikut persatuan tetapi berdasarkan produk atau bentuk persembahan yang dihasilkan dalam tempoh tertentu.

"Ahli bukan dibayar mengikut

persatuan yang mereka anggotai tetapi berdasarkan lagu atau produk yang mereka hasilkan untuk tahun tertentu.

"Dalam hal ini, hanya produk yang dikeluarkan untuk 2018 akan diambil kira.

"Mereka perlu mengemukakan dokumen sokongan seperti penyata atau akuan bersumpah untuk semakan dan pengesahan sebelum sebarang pembayaran dilakukan kepada pihak layak.

"Pihak urus tadbir dan MDI mahu menyelesaikan urusan agihan royalti tertunggak ini dengan segera.

"Kami sasarkan agihan royalti ini akan selesai April depan," katanya.

1,530 terima **RM500** Jumaat ini

Bernamea

Ahli RPM, PRISM dapat agihan bayaran pendahuluan tunggakan royalti RM11.7j

Putrajaya

Ahli *Recording Performers Malaysia Bhd* (RPM) dan *Performers Rights and Interest Society of Malaysia Bhd* (PRISM) akan menerima bayaran pendahuluan sebanyak RM500 seorang daripada jumlah keseluruhan royalti tertunggak lebih RM11.7 juta bermula Jumaat ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, badan pelesenan RPM dan Jabatan Insolvensi (Mdl) selaku pe-

likuidasi kepada tadbir urus PRISM bersetuju melaksanakan agihan royalti secara bayaran pendahuluan melalui *Unlogged Performance Allocation* (UPA).

Beliau berkata, jumlah royalti tertunggak berjumlah RM11,788,347.18 akan diagih sebahagiannya secara permulaan melalui kaedah UPA kepada ahli RPM dan PRISM yang layak dengan nilai sebanyak RM500 seorang.

"Dianggarkan 1,134 ahli RPM dan 396 ahli PRISM akan menerima bayaran pendahuluan ini sebelum baki agihan akan diagihkan



Proses agihan royalti tertunggak itu dijangka diselesaikan pada April tahun ini"

Rosol Wahid

Rosol berkata, proses agihan royalti tertunggak itu dijangka diselesaikan pada April tahun ini.

"Kita akan agihkan bayaran royalti secepat mungkin. Mereka yang layak meneri-

ma royalti ini perlu mengemukakan dokumen untuk proses pengesahan kerana bayaran adalah berdasarkan kepada jumlah persembahan dibuat," katanya.

Rosol berkata, persetujuan pembayaran UPA itu hasil tindakan bersama kementerian dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) selaku pengantara serta pemu-

da cara kepada kemelut agihan royalti pelaku rakaman. Ia juga adalah hasil kerjasama Mdl, PRISM, MRM Caretaker Management Committee dan *PRISM Performers Verification & Claims*

Committee (PPVCC).

Bagi ahli yang tiada dalam senarai layak menerima agihan royalti diminta menghubungi Mdl Wilayah Kuala Lumpur di talian 03-2618 3000 (sambungan 2246) untuk mengemukakan dokumen berkaitan bagi tujuan semakan dan pengesahan.

"Bayaran permulaan ini diharapkan dapat membantu penggiat seni tanah air dalam menghadapi situasi pandemik Covid-19 yang memberi tekanan dan kesan hebat kepada ekonomi serta industri kreatif negara," katanya.

mengikut jumlah pelaporan penggunaan lagu," katanya dalam sidang media secara dalam talian, semalam.

Penyanyi, pemuzik dapat lebih RM11 juta royalti

PUTRAJAYA - Penyanyi dan pemuzik bakal menikmati durian runtuh apabila RM11,788,347.18 royalti tertunggak bagi tahun 2018 akan diagihkan bermula Jumaat ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, sebagai permulaan artis yang bernaung di bawah Recording Performers Malaysia Berhad (RPM) dan Performers Rights and Interest Society of Malaysia Berhad (PRISM) layak menerima RM500 setiap orang.

"Bayaran tersebut akan dibuat badan pelesenan RPM dan Jabatan Insolvensi Malaysia (MDL) selaku pelikuidasi kepada tadbir urus PRISM melalui Unlogged Performance Allocation (UPA)," katanya pada sidang akhbar di kementerian yang disiarkan secara langsung menerusi laman Facebook KPDNHEP pada Selasa.

Menurutnya, dianggarkan seramai 1,134 ahli RPM dan 396 ahli PRISM akan menerima bayaran pendahuluan tersebut.

"Baki agihan tersebut akan diagihkan mengikut jumlah pelaporan penggunaan lagu," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan jadu-



Rosol pada sidang akhbar di kementerian yang disiarkan secara langsung menerusi laman Facebook KPDNHEP pada Selasa.

al, pengagihan bayaran tersebut akan diselesaikan sepenuhnya pada April.

"Artis terbabit perlu mengemukakan dokumen dan verifikasi berdasarkan lagu diputarkan pada tahun berkenaan," katanya.

Katanya, artis di bawah PRISM yang telah gulung tikar pada 2018 perlu menghubungi MDL untuk tujuan pelikuidasi dengan mengemukakan dokumen.

"Mereka boleh menghubungi MDL di talian 03-2618 3000 dan sambungan 2246," katanya.